

Guardian fever & pain relief tablet

Paracetamol 500mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Guardian fever & pain relief tablet
2. Bagaimana Guardian fever & pain relief tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Guardian fever & pain relief tablet
4. Cara menggunakan Guardian fever & pain relief tablet
5. Semasa menggunakan Guardian fever & pain relief tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Guardian fever & pain relief tablet
8. Deskripsi produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

1. Apakah kegunaan Guardian fever & pain relief tablet

Untuk kelegaan daripada demam, sakit kepala dan sakit otot disebabkan selsema.

2. Bagaimana Guardian fever & pain relief tablet berfungsi

Pil ini mengandungi 500mg Paracetamol. Paracetamol berfungsi dengan melegakan kesakitan.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Guardian fever & pain relief tablet dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin mempreskripsikan Guardian fever & pain relief tablet untuk tujuan lain.

3. Sebelum mengambil Guardian fever & pain relief tablet

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- Paracetamol dan sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.
- sebarang ubat lain yang serupa

Jangan mengambil Guardian fever & pain relief tablet jika anda:

- sedang mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol

Jika anda mengalami mana-mana keadaan seperti di atas, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Jangan mengambil Guardian fever & pain relief tablet selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

Penggunaan dalam kehamilan dan penyusuan susu ibu: Selamat dalam dos terapeutik normal untuk kegunaan jangka pendek sebagai analgesik antipiretik dalam kehamilan. Dianggap sebagai analgesik pilihan pada pesakit yang hamil.

Paracetamol yang dimakan akan meresap ke dalam susu ibu. Tetapi kuantiti paracetamol tersebut (dos yang diambil untuk tahan sakit) tidak membawa risiko kepada bayi.

- Sebelum mula mengambil Guardian fever & pain relief tablet

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai:

- alahan terhadap

sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

- buah pinggang atau fungsi hati terjejas.
- ketagihan kepada alkohol

Jika anda hamil atau menyusukan bayi, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang manamana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Guardian fever & pain relief tablet.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, seperti warfarin and coumarins. Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil Guardian fever & pain relief tablet atau yang perlu dielakkan.

4. Cara menggunakan Guardian fever & pain relief tablet

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa and kanak-kanak berumur 12 ke atas: 1-2 tablet, diambil setiap 4-6 jam seperti yang dikehendaki sehingga maksimum 8 tablet setiap hari.

Kanak-kanak 6 hingga 11

tahun: 0.5 – 1 tablet setiap 4 hingga 6 jam jika perlu.

Maksimum 60mg/kg dalam dos 10-15mg/kg terasing dalam 24 jam.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Guardian fever & pain relief tablet selagi diarahkan oleh doktor anda. Sila dapatkan nasihat segera jika sakit berlangsung lebih dari 10 hari, atau terdapat kemerahan atau demam berlangsung lebih dari 3 hari.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa. Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan. Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sindrom-sindrom toksik terlebih dos paracetamol adalah seperti muntah, sakit perut, tekanan darah rendah dan berpeluh.

Kesan sampingan yang lebih serius adalah nekrosis kegagalan hati. Bukti klinikal dan makmal untuk risiko kegagalan hati mungkin memerlukan masa sehingga 1 minggu untuk dikesan. Manifestasi utama kegagalan hati adalah seperti jaundis, hipoglikemia dan asidosis metabolik mungkin memerlukan sekurang-kurangnya masa 3 hari untuk timbul.

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Guardian fever & pain relief tablet, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera. Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

5. Semasa menggunakan Guardian fever & pain relief tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti. Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Guardian fever & pain relief tablet.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Guardian fever & pain relief tablet untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda. Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

6. Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan kluatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Kesan sampingan paracetamol jarang berlaku dan biasanya sederhana, walaupun reaksi hematologi telah dilaporkan. Ruam kulit dan lain-lain tindak balas hipersensitiviti mungkin berlaku sekali-sekala.

Kerosakan hati mungkin boleh berlaku jika dos sebanyak 10g atau lebih telah diambil.

Masalah hipersensitiviti kulit yang mungkin berlaku adalah seperti ruam kulit, angioedema, sindrom Stevens-Johnson/Nekrosis Epidermis Toksik pernah dilaporkan.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Consumers → Reporting).

7. Cara penyimpanan dan pelupusan Guardian fever & pain relief tablet

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Guardian fever & pain relief tablet atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang

betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.
Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

8. Deskripsi produk

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, bulat 1/2" diameter, bertanda dengan "GUARDIAN" logo pada satu permukaan dan kosong pada permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap pil mengandungi Paracetamol 500mg.

Bahan-bahan tidak aktif:

- Corn Starch
- Magnesium Sterate
- Povidone K-30
- Sodium Starch Glycolate

- Nombor MAL MALXXXXXX

9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Pengilang

PT Medifarma Laboratories Jl.
Raya Jakarta - Bogor Km. 33,
Kel. Curug, Kec. Cimanggis,
Kota Depok, Jawa Barat,
Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

Guardian Health and Beauty Sdn.
Bhd. (1101083-T)
Mezzanine Floor, Lot 2. Persiaran
Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah
Alam, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

10. Tarikh kemaskini RIMUP

11/07/2017

perubatan dengan segera.

Ubat ini mengandungi
PARACETAMOL
Jangan ambil ubat lain yang
mengandungi paracetamol pada
masa yang sama.

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Simptom-simptom termasuk kemerahan pada kulit, lepuh atau ruam kulit. Ini adalah tanda-tanda keadaan yang serius. Jika reaksi alahan berlaku, hentikan penggunaan produk ini dan dapatkan bantuan